

18 JUN 1998

Umno-Usul

UMNO SELANGOR BENTANG USUL TIADA PERTANDINGAN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Umno Selangor akan mengemukakan usul pada Perhimpunan Agung Umno esok supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti tahun depan demi menjaga kestabilan politik dan menghadapi kegawatan ekonomi negara.

Ketua Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar berkata hari ini wakil Umno negeri akan menyuarakan hasrat itu dalam ucapan membentangkan usul itu.

"Saya berpendapat kita tidak patut ada pertandingan sama ada jawatan presiden atau timbalan presiden," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Abu Hassan yang juga Menteri Besar Selangor, berharap badan-badan perhubungan Umno negeri lain akan turut mengambil keputusan yang sama.

"Umno mesti menunjukkan teladan supaya mengurangkan masalah politik bagi menghadapi kegawatan ekonomi dan memelihara kestabilan politik," kata beliau.

Sebelum ini, Umno Kelantan dan Kedah telahpun mencadangkan supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau tidak akan menghalang mana-mana perwakilan yang ingin mengemukakan usul supaya tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan tertinggi itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau terbuka kepada pertandingan.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini mungkin akan membincangkan mengenai perkara itu, jika dibentangkan oleh mana-mana anggota MT.

"Mungkin mesyuarat MT akan menentukan sama ada usul-usul seperti itu akan dikemukakan atau tidak kerana bergantung kepada mesyuarat malam ini," kata beliau.

Beliau berkata MT belum menerima sebarang cadangan ataupun usul mengenai perkara itu.

"Kita tunggu malam ini. Jika perkara ini ditimbulkan, kita akan membincangkannya," kata Dr Yusof.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata beliau menyambut baik sebarang usul yang akan membantu mengurangkan "politiking" dalam Umno terutamanya ketika negara dilanda kegawatan ekonomi.

"Terserahlah kepada ahli-ahli Umno untuk mempertimbangkan usul berkenaan," kata Abdullah yang juga Menteri Luar.

Sementara itu, anggota MT Datuk Seri Rafidah Aziz berkata terpulang kepada anggota Umno sama ada mereka inginkan pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

"Kalau ahli Umno ingin lihat pecah-belah macam (pada pemilihan parti) '87, tandinglah banyak-banyak. Tapi kalau kita berasa bertanggungjawab, merasakan pentingnya perpaduan, merasakan pentingnya peperangan menghadapi kegawatan, rasa saya tak terfikir ada orang yang nak bertanding sesama sendiri," kata bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno itu.

Beliau kesal kerana setiap perkara yang "perlu diperbetulkan" dalam Umno perlu melalui usul atau resolusi.

Ketua Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman ketika ditanya

mengenai kenyataan Dr Mahathir itu berkata: "Saya tak dengar apa ceritanya."

Beliau enggan mengulas ketika ditanya pendirian Umno Johor mengenai usul Umno Selangor supaya tiada pertandingan bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

-- BERNAMA

ES oba